

APLIKASI KAEDAH AKROSTIK DALAM BUKU RESEPI IMAN UNTUK MEMBANTU MURID MENINGAT RUKUN IMAN PENDIDIKAN ISLAM

AIMAN IZZUDDIN BIN MOHD AMIRULLAH
aimanizzuddin95@gmail.com

ABSTRAK

Penyelidikan tindakan ini dijalankan untuk membantu murid mengingat Rukun Iman mengikut susunan yang betul. Penyelidik menggunakan kaedah akrostik dalam buku Resipi Iman dan penggunaan warna pada perkataan dalam membantu murid mengingat Rukun Iman mengikut susunan yang betul. Peserta kajian terdiri daripada empat orang murid Tahun Satu di salah sebuah sekolah di Kuching yang mana mereka masih belum dapat mengingat dan menyusun Rukun Iman mengikut susunan yang betul. Data dikumpulkan melalui temu bual, pemerhatian dan ujian pra. Penguasaan murid bagi tajuk rukun iman menunjukkan peningkatan nilai min bagi peratus peningkatkan sebanyak 71%. Dapat dirumuskan bahawa kaedah akrostik dalam buku Resipi Iman dan penggunaan warna pada perkataan berupaya membantu murid dalam mengingat dan menyusun Rukun Iman dengan betul. Kepentingan kajian adalah memberi idea yang baru kepada guru pelatih dan guru-guru di sekolah dalam memilih kaedah pengajaran dan pembelajaran yang baru, menarik dan menyeronokan seterusnya dapat meningkatkan kualiti guru ke tahap yang lebih profesional. Cadangan lanjutan kajian boleh melibatkan tajuk lain dalam bidang Akidah dengan menggunakan kaedah akrostik dan penggunaan warna pada perkataan dalam usaha membantu murid untuk mengingat isi pelajaran.

Kata Kunci: *Resipi Iman, kaedah akrostik, penggunaan warna pada perkataan, teknik mengingat, susunan.*

PENGENALAN

Pendidikan Islam merupakan salah satu mata pelajaran teras yang wajib dipelajari oleh murid-murid sekolah rendah. Hal ini selari dengan pernyataan Dasar Pendidikan Kebangsaan (2012), mengutarakan bahawa Pendidikan Islam merupakan satu daripada komponen penting dalam sistem pendidikan kebangsaan dan menjadi mata pelajaran teras dalam kurikulum kebangsaan. Antara komponen yang ditekankan kepada murid bagi mata pelajaran Pendidikan Islam ialah modul Al Quran, Hadis, Akidah, Ibadah, Sirah, Adab dan Jawi berpandukan Dokumen Standard Kurikulum Pendidikan Islam Sekolah Rendah (2018).

Antara bidang yang kelihatan kritikal dan memerlukan lebih perhatian ialah bidang akidah dan ibadah. Pengkaji lebih tertarik untuk mendalami pedagogi dalam bidang akidah kerana ia bukan sekadar fakta dan teori semata-mata tetapi ia turut melibatkan pengamalannya sekali. Justeru, usaha ke arah memantap dan memelihara aqidah murid dapat dilihat dalam kurikulum dan aktiviti kokurikulum Pendidikan Islam seperti yang telah digariskan dalam Falsafah Pendidikan Islam (Choong, 2008). Antara tajuk yang dipelajari dalam bidang akidah Tahun 1 ialah Rukun Iman. Antara masalah yang pengkaji kenalpasti berlaku dalam murid-murid Tahun 1 ialah murid tidak dapat mengingat Rukun Iman mengikut urutan yang betul.

Justeru, amat sesuai ialah pengkaji menjalankan satu kajian tindakan yang dapat membantu murid – murid dalam meningkatkan minat dan ingatan susunan Rukun

Iman dengan betul yang bertajuk 'Aplikasi Kaedah Akrostik Dalam Buku Resepi Iman Untuk Membantu Murid Mengingat Rukun Iman Pendidikan Islam Tahun 1'.

FOKUS KAJIAN

Kajian ini berfokuskan kepada cara meningkatkan minat dan penguasaan murid dalam meningkatkan ingatan murid terhadap Rukun Iman mengikut urutan yang betul. Matlamat utama pendidikan Islam ialah pemantapan aqidah murid. Malah, Falsafah Pendidikan Islam sendiri adalah berteraskan kepada ketauhidan kepada Allah SWT. Kajian yang pengkaji jalankan adalah relevan untuk dilaksanakan kerana Rukun Iman merupakan elemen penting yang perlu dikuasai oleh murid. Gagne dalam Noriati (2009), menyatakan bahawa seorang profesor dan ahli psikologi di dalam Model Pemprosesan Maklumat beliau mengemukakan sebanyak 8 jenis fasa dan fasa yang kelima adalah mengingat kembali. Fasa mengingat kembali ini merupakan tindakan mencari maklumat atau pengalaman yang disimpan di dalam stor ingatan jangka panjang. Isyarat daripada rangsangan luaran atau motif dalaman yang menggerakkan seseorang individu itu untuk cuba mengingat kembali maklumat.

Pengkaji menggunakan kaedah temu bual, pemerhatian dan analisis dokumen dalam mendapat data untuk kajian tindakan. Pengkaji telah memilih Model Kurt Lewin (1948) sebagai model penyelidikan tindakan. Model ini kebiasaannya digunakan dalam kajian tindakan. Kajian ini dimulakan dengan merancang kajian tindakan yang ingin dilaksanakan. Setelah rancangan dibuat, perlu disusuli dengan tindakan dengan menggunakan tindakan yang telah dirancang. Berdasarkan tindakan tersebut, pengkaji akan membuat pemerhatian untuk melihat keberkesanan tindakan yang dijalankan. Melalui pemerhatian tersebut, pengkaji akan membuat refleksi berdasarkan kepada hasil tindakan. Sekiranya tindakan yang dijalankan tidak berjaya, maka pengkaji perlu mengubahsuai rancangan dan menjalankan proses yang sama sehinggalah berjaya.

Kaedah akrostik adalah seperti akronim namun bezanya akrostik menggunakan huruf-huruf di hadapan perkataan untuk dijadikan satu perkataan lain yang mampu membantu murid mengingat perkataan yang hendak dihafal dengan mudah. Maka, dengan penggunaan akrostik ini murid akan lebih mudah untuk mengingat Rukun Iman. Pengkaji telah membina satu alat bantu mengajar yang mengaplikasikan penggunaan kaedah akrostik bagi tajuk Rukun Iman yang berbunyi berbunyi 'Allah Mahu Kita Rajin Hafaz Quran'. Bahkan, pembacaan Pengkaji yang lepas, Nur Hashimayun (2013), kaedah akrostik ini dilaksanakan bagi bidang Al-Quran dalam bahagian hukum tajwid untuk mengingati huruf-huruf qalqalah dan tanda qalqalah suhura dengan betul. Oleh itu, Pengkaji amat tertarik dengan kaedah tersebut dan cuba mengaplikasi kaedah tersebut mengikut bidang yang telah pengkaji pilih iaitu bidang Akidah berkaitan Rukun Iman.

Pengkaji juga menggunakan kaedah warna iaitu perbezaan warna dalam perkataan agar murid dapat melihat pembayang pada awal perkataan Rukun Iman. Perbezaan warna tersebut juga mampu menarik minat murid untuk mengingat Rukun Iman. Faraha Latifah (2006), warna memainkan peranan penting dalam kehidupan terutamanya bagi kanak-kanak.

OBJEKTIF KAJIAN DAN PERSOALAN KAJIAN

Objektif Kajian

Kajian ini dilaksanakan bertujuan untuk meningkatkan kemahiran murid mengingat Rukun Iman mengikut susunan yang betul. Oleh itu, objektif dan persoalan kajian adalah seperti berikut. Antara objektif yang ingin dicapai dalam melaksanakan tindakan ini ialah:

- 1) Membantu meningkatkan minat murid terhadap tajuk Rukun Iman dengan aplikasi kaedah akrostik dalam Resepi Iman.
- 2) Membantu murid untuk mengingat turutan Rukun Iman dengan aplikasi kaedah akrostik dalam Resepi Iman.

Persoalan Kajian

- 1) Adakah kaedah akrostik dalam buku Resepi Iman dapat membantu meningkatkan minat murid terhadap tajuk Rukun Iman?
- 2) Sejauh manakah aplikasi kaedah akrostik dalam Resepi Iman mampu membantu murid untuk mengingati Rukun Iman mengikut urutan yang betul.


PESERTA KAJIAN

Peserta kajian ini terdiri daripada empat orang iaitu dua orang murid lelaki dan dua orang murid perempuan dari kelas Tahun 1. Pengkaji menamakan mereka dengan nama Aniq, Abid, Yasmeen dan Fifi. Keempat-empat mereka mempunyai personaliti yang berbeza. Namun begitu, mereka mempunyai persamaan iaitu tidak dapat mengingat Rukun Iman mengikut susunan yang betul. Selain itu, mereka sering menunjukkan tingkah laku negatif semasa PdP dijalankan seperti tidak memberikan tumpuan, suka bercakap dan suka berkhayal semasa di dalam kelas.

PELAKSANAAN KAJIAN

Peserta kajian yang terlibat untuk kajian tindakan pengkaji adalah seramai empat orang peserta sahaja. Sebelum tindakan dijalankan ke atas mereka, penerangan dan persetujuan perlu dibuat bagi memastikan bahawa peserta mahu menjadi sebahagian daripada kajian yang pengkaji laksanakan. Menurut Azizi et. al (2006), penyelidik mestilah tidak menipu, memaksa atau tidak menghormati hal peribadi peserta kajian semata-mata untuk mencapai matlamat penyelidikan. Oleh itu, kebenaran dan persetujuan perlu dibuat dengan pihak pentadbir, guru pembimbing dan murid bagi memastikan setiap kajian tindakan kajian yang dijalankan mematuhi etika di institusi mereka.

Bagi melaksanakan kajian ini, pengkaji melaksanakan beberapa langkah tindakan iaitu ujian sebelum tindakan, pelaksanaan kajian tindakan dan ujian selepas tindakan. Sebelum memulakan tindakan, pada 23 Februari 2018 pengkaji telah membuat Ujian Sebelum Tindakan untuk mendapat rekod pencapaian murid dalam mengenal pasti pengetahuan murid dalam menyusun Rukun Iman mengikut urutan yang betul. Ujian Sebelum Tindakan telah dijalankan secara bertulis iaitu murid dikehendaki untuk menulis nombor di dalam ruangan petak kosong.



Rajah 1: Buku Resepi Iman

Seterusnya, bagi pelaksanaan kajian tindakan, pengkaji pengkaji menerangkan terlebih dahulu kepada murid apa yang dimaksudkan kaedah akrostik dalam buku Resepi Iman. Pengkaji telah meminta murid sendiri untuk memegang dan menerangkan apa yang fahami berdasar buku Resepi Iman tersebut. Menurut Atan (1983), bahan yang menggunakan warna dan bentuk yang menarik akan lebih menarik perhatian. Demikian juga bahan-bahan yang dipandang, didengar, dan dirasa akan lebih mendatangkan kesan. Akhir sekali, pengkaji meminta murid untuk menyatakan kembali Rukun Iman yang terdapat dalam buku Resepi Iman. Seterusnya, langkah kelima, pengkaji menguji murid dengan mengedarkan soalan ujian selepas tindakan bagi mengenal pasti tahap pencapaian murid setelah menggunakan Resepi Iman yang telah pengkaji laksanakan.

Bagi melihat peningkatan ingatan murid terhadap Rukun Iman mengikut urutan yang betul pengkaji telah melaksanakan ujian selepas tindakan kepada murid-murid tersebut. Bagi mendapatkan kesahan dan kebolehpercayaan yang tinggi, pengkaji telah menggunakan bentuk soalan yang sama bagi ujian sebelum tindakan dan ujian selepas tindakan. Pengkaji telah membuat perbandingan terhadap hasil keputusan ujian sebelum tindakan dan ujian selepas tindakan.

DAPATAN KAJIAN

Kaedah akrostik dalam buku Resepi Iman dapat membantu meningkatkan minat murid terhadap tajuk Rukun Iman. Antara instrumen pengumpulan data yang telah pengkaji pilih bagi menjawab persoalan pertama dalam kajian tindakan ini adalah pemerhatian dan temu bual.

Jadual 1

Hasil Analisis Pemerhatian Sebelum Dan Selepas Menggunakan Resepi Iman

Kod	Aniq		Abid		Yasmeen		Fifi	
	Sebelum	Selepas	Sebelum	Selepas	Sebelum	Selepas	Sebelum	Selepas
Keyakinan	x	/	/	/	x	/	x	/
Minat	/	/	X	/	x	/	x	/
Pengetahuan	x	/	X	/	/	/	x	/

Pada 23 Februari 2018, pengkaji telah menjalankan pemerhatian dengan menggunakan borang senarai semak terhadap murid-murid sebelum menggunakan buku Resepi Iman semasa ujian sebelum tindakan. Merujuk kepada hasil pemerhatian terhadap Aniq, Aniq menunjukkan minat terhadap tajuk yang dipelajari, namun keyakinan dan pengetahuan Aniq agak kurang. Abid pula mempunyai keyakinan tetapi minat dan pengetahuan Abid agak kurang. Sebaliknya, Yasmeeen mempunyai pengetahuan berkaitan dengan tajuk yang dipelajari. Hal ini kerana Yasmeeen merupakan murid yang telah ditekan dalam bidang agama semasa berada di Tadika ABIM. Namun, minat dan keyakinan Yasmeeen agak kurang menyebabkan Yasmeeen tidak dapat memahami isi pelajaran yang telah di ajar. Fifi pula telah menunjukkan kurangnya keyakinan, minat dan pengetahuan semasa Pdp dijalankan.

Berdasarkan kelemahan yang dapat dikesan dalam Jadual 6, pada 28 Februari 2018 pengkaji sekali lagi membuat pemerhatian dengan menggunakan borang senarai semak semasa ujian selepas tindakan dijalankan. Ujian selepas tindakan tersebut dijalankan selepas pengkaji mengajar murid-murid dengan menggunakan buku Resepi Iman. Keyakinan, minat dan pengetahuan murid-murid meningkat dengan positif selepas pengkaji menggunakan buku Resepi Iman. Mereka nampak lebih bersemangat dan berminat untuk mengikuti PdP dan kompetitif semasa PdP dilaksanakan. Pengkaji hanya bertindak sebagai pemudahcara dan rujukan sekiranya berlaku apa-apa masalah. Hasilnya, murid-murid berjaya menjawab soalan ujian pasca dengan mudah.

Selain itu, bagi mengukuhkan lagi analisis pemerhatian yang dilakukan oleh pengkaji, satu temu bual bersama guru pembimbing telah dilakukan.

Pengkaji	:	Bagaimana sesi PdP saya tadi, ustaz?
Ustaz	:	<i>Alhamdulillah. Ustaz tengok ada peningkatan dalam PdP kamu selepas kamu gunakan buku Resepi Iman ni. Murid pun kelihatan tertarik dengan bahan kamu yang berwarna-warni. Ustaz tengok murid kamu masing-masing berebut untuk memegang buku Resepi Iman tersebut.</i>
Pengkaji	:	Bagaimana pula dengan perkataan akrostik yang saya gunakan, ustaz?
Ustaz	:	<i>Perkataan akrostik yang kamu gunakan sesuai dengan tahap murid. Mereka mudah memahami perkataan tersebut. Ustaz lihat tadi sudah ramai yang mula menggunakan perkataan tersebut semasa kamu mengajar.</i>

(TB Bil 1 28/02/2018)

Rajah 2: Transkrip Temu Bual Dengan Guru Pembimbing

Merujuk kepada transkrip temu bual dalam Rajah 2 di atas, jelas bahawa guru pembimbing turut menyokong bahawa buku Resepi Iman membantu dalam menarik minat murid untuk mengingat Rukun Iman. Kesimpulannya, penggunaan buku Resepi Iman dalam PdP mampu membantu meningkatkan minat murid terhadap tajuk Rukun Iman.

Aplikasi kaedah akrostik dalam Resepi Iman mampu membantu murid untuk mengingat Rukun Iman mengikut urutan yang betul. Bagi menjawab persoalan kedua, pengkaji telah menjalankan ujian sebelum tindakan dan ujian selepas tindakan bagi menguji pengetahuan dan kemahiran mengingat murid-murid dan temu bual. Bagi mentafsirkan maklumat serta melihat peningkatan ataupun penurunan prestasi murid, pengkaji telah menggunakan kaedah peratusan. Hal ini disebabkan kaedah peratusan akan memudahkan pengkaji dapat mengetahui prestasi murid-murid dengan lebih jelas.

Jadual 2

Hasil Analisis Dokumen Ujian Sebelum Tindakan Dan Ujian Selepas Tindakan Sebelum Dan Selepas Menggunakan Resepi Iman

Murid	Ujian Sebelum Tindakan		Ujian Selepas Tindakan		Peratus Peningkatan (%)	Min Peningkatan peratusan (%)
	Kekerapan	Peratus (%)	Kekerapan	Peratus (%)		
<i>Aniq</i>	2/6	33	6/6	100	67	71
<i>Abid</i>	2/6	33	6/6	100	67	
<i>Yasmeen</i>	2/6	33	6/6	100	67	
<i>Fifi</i>	1/6	17	6/6	100	83	

Berdasarkan Jadual 2, pengkaji dapat mengesan kesemua murid gagal untuk menjawab dengan betul ujian sebelum tindakan yang dijalankan. Tiga daripada mereka iaitu Aniq, Abid dan Yasmeen dapat menjawab dua daripada enam jawapan dengan betul, manakala Fifi hanya dapat menjawab satu sahaja soalan yang betul. Hal ini membuktikan bahawa, kesemua murid–murid masih lemah dalam mengingat dan menyusun Rukun Iman dengan betul.

Pada 28 Februari 2018, pengkaji mula menjalankan kajian tindakan dengan memperkenalkan buku Resepi Iman kepada murid–murid. Pengkaji dapat melihat perubahan pencapaian markah murid yang memberangsangkan pada ujian selepas tindakan berbanding dengan pencapaian markah murid semasa ujian sebelum tindakan. Kesemua murid berjaya mendapat markah penuh bagi ujian selepas tindakan. Penguasaan murid menunjukkan peningkatan nilai min bagi peratus peningkatkan sebanyak 71%. Hasil analisis ujian selepas tindakan ini menunjukkan murid mencapai 100% lulus.

Selain itu, pengkaji juga telah membuat sesi temu bual bersama-sama murid kajian.

<i>Pengkaji</i>	<i>Susah ke tidak ujian tadi?</i>
:	
<i>Murid</i>	<i>Susah ustaz.</i>
:	
<i>Pengkaji</i>	<i>Kenapa susah?</i>
:	
<i>Murid</i>	<i>Kami tidak dapat mengingat susunan Rukun Iman dengan susunan yang betul ustaz.</i>
:	

(TB Bil 2 23/02/2018)

Rajah 3: Transkrip Temu Bual Pengkaji Dengan Murid Selepas Ujian Selepas Tindakan

Rajah 3 merupakan transkrip temu bual yang pengkaji jalankan selepas ujian sebelum tindakan iaitu pada 23 Februari 2018. Kesemua murid menunjukkan respon yang negatif kerana kesemua mereka menjawab soalan yang mereka duduki agak sukar. Ini kerana murid-murid masih tidak dapat mengingat susunan Rukun Iman dengan susunan yang betul. Namun, setelah pengkaji menggunakan Resepi Iman dalam PdP, murid menunjukkan respon yang sangat positif kerana dapat mengingat susunan Rukun Iman dengan susunan yang betul.

<i>Pengkaji</i>	<i>Susah ke senang tidak ujian tadi?</i>
<i>Murid</i>	<i>Senang ustaz.</i>
<i>Pengkaji</i>	<i>Kenapa senang?</i>
<i>Murid</i>	<i>Kami dapat mengingat susunan Rukun Iman dengan susunan yang betul selepas menggunakan Resepi Iman.</i>

(TB Bil 3 28/02/2018)

Rajah 4: Transkrip Temu Bual Pengkaji Dengan Murid Selepas Ujian Selepas Tindakan

Hal ini membuktikan bahawa, murid-murid betul-betul berminat dan teruja semasa PdP dilaksanakan dengan menggunakan buku Resepi Iman. Kesimpulannya, pengkaji dapat membuktikan bahawa penggunaan buku Resepi Iman ini berjaya membantu murid untuk mengingat susunan Rukun Iman dengan susunan yang betul.

REFLEKSI

Melalui kajian tindakan yang pengkaji jalankan, pengkaji berupaya untuk mengenal pasti isu dan masalah pembelajaran yang dihadapi oleh murid di dalam bilik darjah dan berusaha untuk menangani masalah tersebut. Ini selaras dengan pernyataan daripada McNiff (1988) yang menyatakan bahawa penyelidikan tindakan sebagai satu pendekatan untuk memperbaiki atau meningkatkan kualiti pendidikan melalui perubahan dengan menggalakkan guru-guru menjadi lebih sedar tentang amalan mereka sendiri. Oleh itu, pengkaji memperkenalkan kaedah akrostik dalam buku Resepi Iman sebagai tindakan bagi membantu murid dalam meningkatkan kemahiran mengingat yang berfokuskan bidang Akidah tajuk Rukun Iman. Selain itu, pengkaji juga menggunakan kaedah warna pada bahan iaitu perbezaan warna dalam perkataan agar murid dapat melihat pembayang pada awal perkataan Rukun Iman. Perbezaan warna tersebut juga mampu menarik minat murid untuk mengingat Rukun Iman.

Kajian tindakan ini juga telah banyak membantu pengkaji untuk meningkatkan menerapkan pelbagai jenis kaedah yang baru agar dapat mencapai tahap kefahaman murid di dalam PdP. Selain itu, melalui kajian ini pengkaji sedar bahawa murid seronok apabila pengkaji mempelbagaikan aktiviti semasa PdP dijalankan. Maka, secara tidak langsung pengkaji dapat membuang rasa bosan murid-murid ketika belajar. Lebih-lebih lagi apabila pengkaji melibatkan murid-murid itu sendiri dalam aktiviti yang dijalankan.

Tambahan pula, kajian tindakan ini juga telah mengubah persepsi pengkaji terhadap diri murid. Sebelum ini, pengkaji beranggapan bahawa murid yang lemah ini tidak boleh dibantu dan mereka perlu berusaha sendiri untuk meningkatkan lagi pemahaman mereka. Namun begitu, selepas pengkaji menjalankan kajian tindakan ini, pengkaji telah menyedari bahawa setiap murid yang lemah itu akan berjaya sekiranya dibimbing dengan menggunakan strategi dan kaedah yang sesuai semasa sesi PdP dilaksanakan. Menjadi tugas utama bagi setiap guru untuk menggunakan kaedah dan strategi yang sesuai semasa di dalam bilik darjah. Abdul Ghafar (2003), mengatakan bahawa pembelajaran akan berjalan dengan lancar, menarik dan berkesan sekiranya guru menggunakan pelbagai kaedah yang bersesuaian dengan isi pelajaran dan kemahiran yang akan dicapai oleh murid.

Sebagai seorang guru Pendidikan Islam dan seorang penyelidik, pengkaji harus bersikap kreatif dan inovatif dalam menyediakan PdP. Aplikasi kaedah akrostik dan penggunaan warna dalam Resepi Iman telah membantu pengkaji dalam usaha mempelbagaikan kaedah pengajaran dalam subjek Pendidikan Islam Tahun 1 bagi tajuk Rukun Iman. Pengkaji berharap agar hasil penyelidikan yang dihasilkan dapat dijadikan rujukan kepada penyelidik yang lain. Pengkaji berharap agar mampu memberi sumbangan terhadap bidang penyelidikan.

CADANGAN TINDAKAN SUSULAN

Untuk tindakan yang seterusnya, pengkaji bercadang untuk mengaplikasikan penggunaan kaedah akrostik dalam Resepi Iman pada tajuk yang lain pula untuk menguji sejauh manakah kebolegunaan kaedah akrostik ini jika digunakan dalam

tajuk yang lain. Sebagai contoh, pengkaji boleh mengaplikasikan kaedah akrostik ini kepada Resepi Solat yang mana digunakan untuk mengajar tajuk rukun solat. Pengkaji begitu yakin bahawa kaedah akrostik dalam Resepi Iman ini sangat relevan digunakan dalam banyak subjek bukan sekadar subjek Pendidikan Islam sahaja bahkan dalam subjek lain juga seperti Sains dalam mengingat fakta-fakta penting warna pelangi dan Matematik untuk mengingat formula - formula.

Di samping itu juga, kaedah Resepi Iman ini boleh digabungkan dengan elemen-elemen Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) seperti penambahan dari segi animasi, video dan juga gambar. Kesimpulannya, kaedah Resepi Iman yang digunakan mampu membantu murid dalam meningkatkan penguasaan mereka dalam bidang aqidah. Namun begitu, perubahan boleh dibuat bergantung kepada situasi yang dihadapi bagi membolehkan kaedah ini membantu murid dalam menghafal urutan dengan baik.

RUJUKAN

- Abdul Ghafar Md Din. (2003). *Prinsip dan Amalan Pengajaran*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn.Bhd.
- Atan Long. (1983). *Psikologi Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Azizi Yahaya, Shahrin Hashim, Jamaludin Ramli, Yusof Boon & Abdul Rahim Hamdan. (2006). *Menguasai Penyelidikan Tindakan*. Selangor: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Choong, L. K. (2008). *Falsafah dan Pendidikan di Malaysia*. Shah Alam: U.G Press Sdn.Bhd.
- Dasar Pendidikan Kebangsaan. (2012). Kementerian Pendidikan Malaysia.*
- Dokumen Standard Kurikulum Pendidikan Islam Sekolah Rendah. (2018).*
- Faraha Latifah Mohd. (2006). *Kecenderungan Pemilihan Warna Oleh Kanak-Kanak*. Sarawak: Universiti Malaysia Sarawak.
- McNiff, J., & Whitehead, J. (1988). *Action research for teachers: A practical guide*. New York: David Fulton Publishers.
- Nur Hashimayun Mongkin. (2013), *Kutu Di Baju: Matilah Dia!* (Pelaporan Ijazah Sarjana Muda). Institut Pendidikan Guru Kampus Batu Lintang, Sarawak.
- Noriati A. Rashid, Boon P. Y., Sharifah Fakhriah Syed Ahmad. (2009). *Murid dan Alam Belajar*. Kuala Lumpur: Oxford Fajar Sdn. Bhd.